

Habemus Papam!

TAKHTA SUCI: "Habemus Papam" (Kita memiliki Sri Paus) diucapkan oleh Kardinal Protodeakon Dominique Mamberti di balkoni Basilika Santo Petrus, mengumumkan kepada kota Roma dan seluruh dunia pada Mei 8, 2025, tentang berita pemilihan Kardinal Robert Francis Prevost sebagai Sri Paus Leo XIV.

Sri Paus Leo XIV menyapa kota Roma dan seluruh dunia dengan ucapan di bawah ketika muncul buat pertama kalinya sebagai Pengganti Sto Petrus dari Balkoni Utama Basilika Sto Petrus:

"Semoga damai bersamamu!" Saudara dan saudari terkasih. Inilah ucapan selamat pertama Kristus yang bangkit, Gembala yang baik yang memberikan hidup-Nya untuk kawanan domba Tuhan. Saya juga ingin salam damai ini memasuki hati anda, menyentuh keluarga anda dan semua orang, di mana sahaja mereka berada; dan semua bangsa dan seluruh bumi: Damai sejahtera bersamamu.

Inilah damai Kristus yang Bangkit, damai yang mempesonakan, rendah hati dan menyelamatkan. Ia diucapkan sendiri oleh Tuhan. Tuhan, yang mencintai kita semua, tanpa sebarang batas atau syarat. Marilah kita simpan dalam hati kita suara lemah tetapi sentiasa berani Sri Paus Fransiskus, yang memberkati Roma – Santi Papa yang memberkati Roma dan dunia pada hari itu, pada pagi Paskah.

Izinkan saya meneruskan berkat yang sama itu. Tuhan mengasihinya kita, semua kita, kejahatan tidak akan menang. Kita berada di tangan Tuhan. Dengan tanpa rasa takut, bersatu, berganding bahu dengan Tuhan dan antara kita sendiri, kita akan maju ke hadapan. Kita adalah murid-murid Kristus, Kristus berjalan di hadapan kita dan dunia memerlukan cahaya-Nya. Kemanusiaan memerlukan-Nya seperti jambatan untuk mencapai Tuhan dan kasih-Nya. Anda membantu kami membina jambatan dengan dialog dan pertemuan supaya kita dapat menjadi satu bangsa yang sentiasa hidup dalam keamanan.

Terima Kasih Sri Paus Fransiskus

Terima kasih kepada saudara-saudara Kardinal saya yang memilih saya untuk menjadi Pengganti Petrus dan untuk berjalan bersama anda sebagai Gereja yang bersatu mencari keamanan dan keadilan bersama-sama, bekerja bersama sebagai wanita dan lelaki, setia kepada Yesus Kristus tanpa rasa takut, mewartakan Kristus, menjadi misionari, setia kepada Injil.

Saya adalah anak Santo Agustinus, seorang ahli Ordo Agustinus. Santo Agustinus pernah berkata, "Denganmu aku seorang Kristian, utukmu seorang uskup." Semoga kita semua berjalan bersama ke arah tanah air yang telah disediakan oleh Tuhan untuk kita.

Kepada Gereja Roma

Kita perlu bersama-sama mencari cara untuk menjadi Gereja misionari, membina jambatan, berdialog, sentiasa terbuka untuk menerima dengan tangan terbuka untuk semua orang, seperti dataran ini, terbuka untuk semua, kepada semua yang memerlukan amal kita, kehadiran kita, dialog, kasih sayang kita.

Kepada semua saudara dan saudari di Roma, Itali, di seluruh dunia, kita ingin menjadi Gereja sinodal, berjalan dan sentiasa mencari keamanan, amal, kedekatan, terutama kepada mereka yang menderita.

Hari ini adalah hari *Supplicatio (Plea)* kepada Bonda Maria Pompei.

Bonda kita yang diberkati, Maria, sentiasa ingin berjalan bersama kita, dekat dengan kita, dia sentiasa ingin membantu kita dengan syafaat dan kasihnya. Jadi marilah kita

Sri Paus Leo XIV "Semoga damai bersamamu!"



Penantian Sri Paus baharu selepas kematian Sri Paus Fransiskus pada April 21, 2025 berakhir pada Mei 8, 2025 apabila Kardinal Protodeakon Dominique Mamberti dari balkoni utama Basilika Sto Petrus mengumumkan kepada kota Roma dan seluruh dunia pada Mei 8, 2025, tentang berita pemilihan Kardinal Robert Francis Prevost sebagai Sri Paus Leo XIV.

berdoa bersama untuk misi ini dan untuk seluruh Gereja dan untuk keamanan di dunia.

Kami memohon rahmat istimewa ini daripada Maria, Bonda kita.

Salam Maria... (ditemani oleh orang ramai di Dataran St Petrus dan di seluruh dunia.)

Biodata singkat Sri Paus Leo XIV

Bapa Suci baharu, Sri Paus Leo XIV dilahirkan pada September 14, 1955, di Chicago, Illinois, oleh pasangan Louis Marius Prevost (bapa), berketurunan Perancis dan Itali, dan Mildred Martínez (ibu) keturunan Sepanyol.

Beliau mempunyai dua orang adik-beradik, Louis Martín dan John Joseph.

Prevost menghabiskan zaman kanak-kanak dan remajanya bersama keluarganya dan memasuki Seminari Minor para Bapa Agustinian, kemudian di Universiti Villanova di Pennsylvania, di mana pada tahun 1977, beliau memperoleh Ijazah dalam Matematik dan juga mempelajari Falsafah.

Pada September, tahun yang sama, Prevost memasuki novisiat Ordo Santo Agustinus (O.S.A.) di Saint Louis, di *Our Lady of Good Counsel* di Chicago, dan melafazkan kaul pertamanya pada September 2, 1978. Pada Ogos 29, 1981, beliau mengucapkan kaul akhirnya.

Prevost kemudian menerima pendidikan teologinya di *Catholic Theological Union* di Chicago.

Pada usia 27 tahun, beliau dihantar ke Roma untuk belajar Hukum Kanonik di Universiti Kepausan Sto Thomas Aquinas (*Angelicum*).

Di Roma, beliau ditahbis sebagai paderi pada Jun 19, 1982, di Kolej Agustinus Sta Monica oleh Uskup Agung Jean Jadot, yang ketika itu merupakan pro-presiden Sekretariat untuk Bukan Kristian, yang kemudiannya menjadi ahli Majlis Kepausan untuk Dialog Antara Agama dan kemudian Dikastris untuk Dialog Antara Agama.

Prevost memperoleh ijazah pada tahun 1984 dan pada tahun berikutnya semasa menyiapkan tesis kedoktorannya, beliau dihantar ke mission pertamanya iaitu mission Agustinus di Chulucanas, Piura, Peru (1985–1986).

Pada tahun 1987, beliau membentangkan pertahanan tesis kedoktorannya mengenai "Peranan Perintis Tempatan dalam Ordo Santo Agustinus". Pernah dilantik sebagai pengarah panggilan dan pengarah misi bagi Wilayah Agustinus "*Mother of Good Counsel*" di Olympia Fields, Illinois (AS).

Media Vatikan

● Berita lanjut tentang Bapa Suci baharu, Sri Paus Leo XIV akan diterbitkan pada keluaran akan datang.

Ajaran yang kelihatan tidak konsisten

Pemikiran beberapa orang terhebat dan paling berpengaruh dalam sejarah kadangkala kelihatan tidak konsisten. Yesus, Agustinus, Sokrates, Aristoteles, antara lain, kadang-kadang kelihatan bertentangan dengan diri mereka sendiri.

Selalunya, tidak mudah untuk melihat segala-galanya selaras dengan semua ajaran mereka.

Itulah sebabnya agama-agama besar dan falsafah-falsafah dunia begitu cenderung kepada pelbagai tafsiran. Sebagai contoh, dalam agama Kristian, kedalaman dan skop ajaran Yesus terbuka kepada pelbagai jenis pemahaman.

Ia bukan kebetulan bahawa terdapat ratusan denominasi dalam Kristian, pelbagai kerohanian dan tatacara ibadat. Ajaran Yesus begitu kaya sehingga nampaknya tiada seorang pun daripada kita yang dapat mengendalikannya.

Sebaliknya, kita masing-masing memilih bahagian kita tertentu, berjuang untuk mengekalkannya dengan sedikit konsistensi tetapi akhirnya menjadi jauh lebih sempit daripada yang sewajarnya.

Seseorang pernah menyindir bahawa konsistensi atau ketekalan adalah hasil dari minda kecil, sama seperti ketidaktekalan yang adalah tanda minda yang hebat.

Memang betul namun terlebih dahulu ia harus difahami dengan teliti. Sebagai contoh, kadang-kadang kita mencapai konsistensi tertentu, pandangan terhadap perkara-perkara yang seolah-olah tidak mempunyai percanggahan dalaman tetapi mempunyai risiko tinggi misalnya kita mungkin berakhir dengan pandangan sempit, tidak inklusif, sebelah pihak, miskin dan semakin merosot.

Apa pun yang mungkin dikatakan sebagai tidak sihat dalam konsistensi ialah perkauman, kebencian, fundamentalisme, dan nasionalisme.

Konsistensi seperti ini berdasarkan pada sintesis yang begitu sempit sehingga

mengabaikan dan merendahkan bidang-bidang penting dalam kehidupan.

Sebaliknya, kadang-kadang apa yang kelihatan seperti ketidaktekalan sebenarnya adalah seseorang yang menggabungkan beberapa kebenaran penting dalam sintesis yang lebih tinggi.

Orang itu mungkin kelihatan tidak konsisten, tetapi apa yang dia sebenarnya lakukan ialah berpegang dalam kebenaran meskipun wujud ketegangan tetapi tidak bertentangan antara satu sama lain.

Orang yang cuba mengimbangkan aksi ini sering kali mendapati dirinya dalam ketegangan yang mencabar.

Ini dapat digambarkan seperti metafora, berikut: Dia mendapati bahawa dia tidak mempunyai arteri yang tersumbat dan paru-paru yang sangat tahan lasak tetapi darah mengalir dengan bebas ke setiap bahagian organnya dan dia mampu menarik oksigen yang memberi kehidupan dari apa jua jenis udara di mana dia berada.

Yesus adalah seperti itu. Dia memegang kebenaran-kebenaran penting dalam meskipun menghadapi cabaran besar dan disalah faham oleh hampir semua orang serta mengejutkan orang di kedua-dua belah spektrum agama dan ideologi.

Ajaran-Nya lebih bersifat “kedua-duanya” bukannya “salah satu”. Kita bergelut dengan perkara ini kerana lebih mudah untuk memilih beberapa kebenaran sahaja.

Apakah beberapa kebenaran yang ber-canggah yang dipegang oleh Yesus dan menghadapi cabaran kreatif? Berikut adalah sepuluh daripada kebenaran itu yang dipilih dalam rencana ini kerana kedua-dua sisi rohaninya sangat sihat:

1) Rasa keperibadian yang kuat, tumpuan kepada integriti peribadi dan doa peribadi, tetapi ditambah pula dengan komitmen yang sama kuat terhadap penglibatan masyarakat, keluarga, sivik dan gereja, dan keadilan sosial.



2) Keupayaan yang sihat untuk menikmati kehidupan dan menikmatinya tanpa rasa bersalah namun pada masa yang sama, bersahabat akrab dengan pertapa dan penolakan.

3) Keyakinan diri dan penegasan diri yang sihat dalam menggunakan kurnia-kurnia tertentu yang telah diberikan oleh Tuhan kepada kita tetapi selalu dikendalikan dengan kerendahan hati yang sihat dan kebiasaan diri yang biasa.

4) Sebuah pandangan kenabian/profetik, simpati terhadap apa yang terpinggir, suara yang mencabar bagi yang terabai pada masa yang sama, mengakui kepentingan institusi, mempertahankan terhadap anarki, dan membantu memupuk apa yang suci dalam keluarga, Gereja dan tradisi.

5) Keterbukaan berterusan kepada apa yang baharu, terhadap apa yang pelik, perkara-perkara yang menyebabkan ketidakelesaan, terhadap perkara-perkara liberal, namun tetap berusaha untuk mengakar diri dalam sikap yang memelihara, dalam rutin biasa yang memberikan irama dan menciptakan kestabilan.

6) Mata untuk kekudusan, untuk Tuhan, untuk cakerawala yang kekal, ditambah selalu dengan cinta yang tidak tercemar untuk dunia ini, gembira dengan pencapaiannya, pada masa sekarang.

7) Semangat untuk seksualiti dan pertahanan kebaikan dan keberaniannya, ditambah dengan pertahanan yang sama dengan kesucian dan penghormatan.

8) Mata untuk komuniti dunia, untuk meregangkan sempadan, memeluk orang asing dan lebih inklusif terhadap orang tidak dikenali, pada masa yang sama, tetap setia kepada keluarga, akar peribadi dan kesejahteraan di rumah.

9) Sebuah harapan dan idealisme yang menentang fakta atau menjauhi idea agar tidak berandal pada janji-janji Tuhan dan berusaha mempercayai berita kebenaran kebangkitan daripada berita kemalangan bersejarah serta masih dipegang dengan realisme yang pragmatik, programatik dan komited untuk melakukan kewajibannya.

10) Fokus pada kehidupan seterusnya, pada kehidupan selepas kematian, pada hakikat bahawa ini bukan rumah terakhir kita, walaupun kita memberi tumpuan kepada realiti dan kebaikan kehidupan di bumi ini.

Yesus memegang semua ini bersama-sama dalam satu sintesis dan Dia membayar harga — salah faham. Adakah kita sanggup membayar harga itu untuk memberikan ekspresi penuh kepada Kristus? **Hakeipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

KASIH: Rangkuman tindakan dan ajaran Yesus

Pesan dasar Kristus, “Supaya kamu saling mengasihi, sama seperti Aku telah mengasihi kamu” diberikan-Nya pada perjamuan malam terakhir.

Dan lebih khusus lagi tercatat dalam Injil Yohanes, “Dalam perjamuan terakhir, sesudah Yudas meninggalkan ruang perjamuan...”. Itulah pertemuan terakhir Yesus dan murid-murid-Nya.

Sesudah menerima roti dan anggur, yaitu tubuh dan darah Yesus, diberitakan bahawa Yudas meninggalkan ruang perjamuan malam terakhir itu untuk menjual Yesus kepada Mahkamah Agung. Itulah momen awal penangkapan, penganiayaan, dan pelaksanaan hukuman mati Yesus di kayu salib.

Sebelum dipanggil menghadap Tuhan, lazimlah orang pada saat-saat terakhir hidupnya memberikan wasiat atau pesan-pesan berharga bagi orang-orang yang akan ditinggalkan. Dan pesan Yesus kepada murid-murid-Nya: “Supaya kamu saling mengasihi, sama seperti Aku telah mengasihi kamu?”

Kita semua tahu bahawa Yohanes menegaskan berkali-kali bahawa Tuhan adalah kasih (lih. 1 Yoh 4:7-21). Yohanes mahu mengatakan, bahawa sesiapa ingin menge-

nal, mengabdikan dan mengasihi Tuhan cukup melihat apa yang dilakukan Yesus, Putera yang diutus-Nya.

Dan segalanya yang dilaksanakan dalam hidup, sikap, kata dan perbuatan selama hidup-Nya oleh Yesus, apabila dirangkumkan, tidak lain tidak bukan ialah perbuatan kasih. Dapat dikatakan, bahawa kasih Yesus adalah model kasih sejati. Dan kasih sejati, kasih Kristiani mempunyai unsur-unsur hakiki ini.

Kasih sejati tidak mencari diri sendiri. Bukan hanya berusaha membahagiakan dirinya sendiri saja. Kasih sejati hanya mahu memberikan dirinya demi keperluan dan kebahagiaan orang lain.

Kasih ini bersedia berkorban, dan korban tanpa batas. Yesus membuktikannya sendiri. Bukan hanya perbuatan kasih-Nya dicurigai orang, tidak diterima bahkan dihina meskipun berbuat baik kepada orang lain.

Ternyata apa yang dilakukan Yesus ialah kesediaannya menanggung apa sahaja risiko. Kasih sejati tidak akan menolak, kecuali menolak semua bentuk kejahatan. Kasih tidak membeza-bezakan dan tertuju kepada siapa pun seperti apa adanya.

Memang ada pepatah berharga, “Cinta

adalah buta”. Namun jangan sampai disalah ertikan.

Sebab kasih sejati harus mempunyai mata terbuka. Tetapi mata yang sihat harus masih melihat kenyataan orang lain seperti adanya, dan jangan sampai menghilangkan kasihnya. Mengapa?

Kerana kasih sejati rela dan bersedia mengampuni. Contohnya adalah Yesus sendiri. Ketika Yesus murid-murid-Nya menyangkal Diri-Nya, ketika Dia dituduh palsu, dianiaya, diadili dan dihukum mati, — Yesus tidak menyalahkan mereka, tidak menolak mereka!

Terbuktilah bahawa segala kekurangan dan kesalahan mereka itu bukan merupakan alasan bagi Yesus untuk tidak tetap mengasihi mereka.

Keadaan masyarakat kita sekarang ini —syukurlah kepada Tuhan! kita mengalami banyak kemajuan yang patut dibanggakan dan disyukuri.

Tetapi kebanggaan itu juga sangat terbatas. Masih banyak yang bertentangan dengan kasih Kristian sejati terhadap sesama warga bangsa kita. Masih begitu banyak berlaku penggunaan kekerasan, kepalsuan penafsiran hukum, jurang dalam antara kaya dan miskin, dan ban-

**HARI MINGGU
PASKAH 3
(TAHUN C)**

**KISAH PARA RASUL
14:21B-27
WAHYU 21:1-5A
INJIL YOHANES
13:31-33A,34-35**

yak lagi.

Pemerintahan negara-negara duniawi tidak akan membuat undang-undang atau menentukan hukum-hukum bagi rakyat yang berdasarkan kasih!

Pada umumnya para pemimpin atau tokoh masyarakat mengajak orang berdoa, agar tujuan yang diinginkan dapat terlaksana.

Namun apabila tidak disadari dan dihayati perlu adanya kasih antara sesama, damai dan kesejahteraan umat manusia tidak akan tercapai.

Bagi kita sebagai umat beriman Kristiani adalah selalu penting — seperti diajarkan dan dilaksanakan oleh Yesus Kristus sendiri — bahawa kita percaya kepada Tuhan, berpengharapan kepada Tuhan dan mengasihi Tuhan serta sesama kita. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

Perjalanan Salib mula mengelilingi Keuskupan Pulau Pinang

PULAU PINANG: Keuskupan Pulau Pinang melancarkan Perjalanan Salib pada Mei 1, di Basilika Kecil Sta Anna, Bukit Mertajam.

Misa dipimpin oleh Msgr Jude Miranda, dibantu oleh Msgr Stephen Liew, Msgr Henry Rajoo, Fr Esmond Chua, Fr Bernard Hyacinth, Fr David Lourdasamy, Fr Francis Xavier, Fr George Vaithynathan, Fr Konstend Gnanapragasam, Fr Nelson Joseph dan Fr James Pitchay.

Sempena Pesta Pelindung para pekerja, Sto Yosef, Msgr Jude menekankan kepentingan doa untuk semua buruh, yang memberi tumpuan kepada keselamatan, kesejahteraan dan martabat kerja mereka.

Beliau secara khusus meminta berkat Tuhan untuk para pekerja agar mereka menerima upah yang adil dan kegembiraan dalam menjalankan tugas mereka.

Msgr Jude juga menyebut baha-

wa Perjalanan Salib akan berjalan ke pelbagai paroki, kapel dan pusat paroki dalam tempoh 17 bulan akan datang.

Paderi itu kemudian mengajak hadirin merayakan Sto Yosef, serta merenung betapa indahnya hubungan Yosef dengan Yesus.

Pengkhubah dalam Misa, Msgr Henry, menekankan kepentingan simbolik salib dalam agama Kristian, terutamanya dalam konteks perjalanan atau ziarah.

Beliau menegaskan bahawa salib bukan sekadar tanda, tetapi instrumen yang mana Yesus menyelamatkan dunia.

Menggambarkan makna memikul salib, umat harus memahami bahawa ia merupakan panggilan untuk mengintegrasikan salib, iman dan tujuan dalam perjuangan harian mereka.

Katanya, Perjalanan Salib bukan sekadar sebuah 'perjalanan fizikal'

tetapi misi rohani perpaduan dan keintiman dengan diri sendiri, Tuhan, dan sesama yang lain.

Msgr menggalakkan doa, refleksi diri dan sokongan komunal sebagai elemen penting dalam memikul beban kehidupan.

Pada akhir homilinya, Msgr Henry menjemput semua orang untuk merangkul salib sebagai sumber makanan rohani dan perpaduan, berpusat kepada inisiatif ini sebagai usaha kolektif bersejarah dalam masyarakat Katolik Malaysia.

Semasa upacara pelancaran, Msgr Jude mengatakan bahawa setiap paroki akan menjadi tuan rumah Perjalanan Salib untuk anggaran dua hingga tiga minggu, menggalakkan umat paroki untuk terlibat dalam doa, refleksi, dan kegiatan, khususnya dalam empat bidang keprihatinan pastoral: keluarga, masyarakat, Gereja, dan ekologi.

Sebelum Misa berakhir, melalui



syafaat Sto Yosef, Msgr Stephen memberkati para pekerja agar mereka dapat mencari kekuatan dalam pekerjaan, dilindungi semasa kesusahannya, mendapat keadilan di tempat kerja mereka dan gembira dengan hasil-hasil usaha mereka.

Msgr Stephen turut berdoa bagi

para penganggur, mereka yang masih dalam ketidakpastian dan menghadapi keadaan kerja yang tidak adil. Katanya, setiap panggilan untuk kerja ialah untuk memuliakan Tuhan dan menyumbang kepada kebaikan bersama.

Caritas paroki Sandakan menjangkau orang sakit dan mangsa kebakaran

SANDAKAN: Komite Caritas Paroki Katedral St Mary bersama Diakon Ricki Boy Hasim telah menganjurkan program 'Lawatan Ke Rumah' baru-baru ini.

Program ini dijalankan bagi membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. Sebelum lawatan, terlebih dahulu para peserta dan Diakon Ricki berkumpul di lokasi yang ditetapkan.

Setelah tiba di rumah umat yang uzur dan sakit, mereka beramah

mesra dan Diakon Ricki memberikan komuni kepada umat tersebut.

Kemudian mereka membantu membersihkan kawasan luar rumah seperti memotong rumput, membersihkan tingkap dan menyapu oleh kaum lelaki manakala kaum wanita membersihkan kawasan dalam rumah seperti mengemop lantai, menukar langsir dan mengelap.

Kerja-kerja pembersihan selesai dilakukan pada pukul 2.30 petang.

Sebelum bersurai, mereka sekali lagi mengambil peluang beramah mesra dengan umat tersebut sambil minum petang bersama.

Destinasi seterusnya, rombongan mengunjungi mangsa kebakaran yang berlaku baru-baru ini. Kebakaran itu telah menyebabkan mereka kehilangan semua harta benda.

Oleh sebab itu, Komite Caritas Paroki dan Diakon Ricki memberi sedikit sumbangan kasih kepada keluarga mangsa itu.



Kagape mempromosi semangat bersyukur dan harmoni

SEREMBAN: Umat Katolik di Gereja *Immaculate Conception* (CIC), Port Dickson menyambut pesta Kaamatan, Gawai dan Panen (Kagape) lebih awal iaitu pada April 27 lalu.

Perayaan Kagape ini juga turut meraikan Hari Raya Paskah yang turut dihadiri oleh paderi paroki, Fr Edwin Peter.

Fr Edwin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua umat CIC kerana berkerjasama menjayakan perayaan ini.

Dengan pukulan gong oleh Fr Edwin Peter, merasmikan perayaan itu untuk dimulakan.

Beberapa tarian persembahan seperti tarian *Ngajat* dari Sarawak, *Sumazau Mongigol* (Sabah), *Sewang* dari komuniti Orang Asli, komuniti Flores dan gerak rajurit muda dari Kem Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda), telah menghiburkan hadirin.

Aktiviti lain seperti Sukaneka dan cabutan tiket Bertuah telah menambahkan lagi kemeriahan perayaan. Acara berakhir lebih kurang pukul 3.00 petang dan diakhiri dengan pemotongan pokok *Ranyai* serta membersihkan tapak perayaan. **Lourincia Loibin**



Umat diseru bertindak balas terhadap jeritan Bumi dan Orang Miskin

MIRI: Dua bengkel usaha bersama Komisi Episkopal Keuskupan Miri iaitu Caritas dan Komisi Keadilan Penciptaan, menekankan dua perkara mendesak seperti yang disebutkan dalam Ensiklik mendiang Sri Paus Fransiskus, *Laudato Si'*.

Idea untuk menganjurkan bengkel bersama ini teretus selepas menghadiri Perhimpunan Kebangsaan Caritas Malaysia tahunan yang diadakan di *Pace Bene*, Papar, Sabah, November tahun lalu.

Bengkel dua hari itu dijalankan di St Dominic dan Dewan Gereja *Rosary* di Taman Tunku, Miri demi meningkatkan kesedaran tentang amal, keadilan sosial dan khidmat masyarakat terutama dalam konteks mendengar jeritan bumi dan jeritan orang miskin yang disebabkan oleh peristiwa-peristiwa iklim yang melampau.

Bengkel yang menarik 50 orang peserta dari pelbagai paroki diketuai oleh Fr Sylvester Ngau Juk (untuk Caritas) dan Msgr Joseph Ding (untuk Keadilan Penciptaan).

Pada hari pertama bengkel, Fr



Upacara pemberkatan dan pengutusan para peserta pada akhir bengkel di Miri, baru-baru ini. (Today's Catholic)

Sylvester memberikan pengenalan topik dan Msgr Joseph memberi ceramah mengenai jeritan bumi dan jeritan orang miskin.

Pada keesokan harinya, selepas Misa harian, Msgr Joseph memberikan ringkasan mengenai ensiklik *Laudato Si'*, diikuti pembentangan tentang tindak balas penting terhadap jeritan Bumi dan jeritan Orang Miskin di Malaysia oleh Rosica Milah dari Caritas Miri.

Bengkel diakhiri dengan pe-

numpangan tangan dan mendoakan para peserta, memberkati serta mengutus mereka agar berani menyahut jeritan Bumi dan jeritan Orang Miskin.

Selepas bengkel itu, ramai peserta yang semakin bermotivasi untuk bertindak balas secara konkrit terhadap jeritan Bumi dan jeritan Orang Miskin serta terdorong untuk mengubah cara hidup yang lebih lestari demi kesejahteraan bersama.

Sumber Today's Catholic

Sahabat kecil Yesus

Susun semula kata-kata Yesus mengenai perintah mengasihi.

adalah murid-murid-Ku

Dengan demikian semua orang


saling mengasihi

akan tahu, bahawa kamu

sama seperti Aku telah mengasihi kamu

demikian pula kamu harus

iaitu jikalau kamu saling mengasihi



Hello adik-adik,

Biasanya setiap penganut agama mempunyai identiti mereka sendiri. Misalnya saudara Islam kita yang wanita memakai baju kurung dan bertudung.

Sahabat Hindu kita memakai abu suci pada dahi mereka dan penganut agama Sikh memakai turban. Apakah

identiti penganut Katolik?

Identiti kita bukan pada pakaian atau perhiasan tetapi sikap saling mengasihi dan menghormati orang lain!

Semoga adik-adik dapat mempraktikkan sikap ini dalam hidup harian adik-adik kerana inilah perintah Yesus!

Salam Sayang
Antie Melly

Mari Mewarna



**SANTA PERAWAN MARIA,
DOAKANLAH KAMI**

DARI MATA MEREKA



MENGHAPUS

SEGALA AIR MATA

Tuhan akan

(WAHYU 21:4)

(wahyu 21:4)





BELIA

Belia tanam pokok: Tanda harapan untuk bumi kita



Para peserta kempen “Breathe Life Into the Whole World” mengambil gambar berkumpulan selepas menanam pokok di Haneul Park di Seoul, April 26. Acara ini menandakan pelancaran Keuskupan Ekologi Seoul sebagai persediaan untuk Hari Belia Sedunia 2027. (LiCAS News).



SEOUL: Keuskupan Agung Seoul merasmikan kempen “Breathe Life into the Whole World” pada Mei 3 lalu dengan acara simbolik penanaman pokok di Haneul Park, menandakan antara inisiatif pertama ekologi sebagai persediaan untuk Hari Belia Dunia 2027.

Seramai 80 peserta-termasuk wakil-

wakil belia, klerus dan sukarelawan-berhimpun di lereng selatan Taman Piala Dunia Sangam untuk menanam 300 pokok ceri Cornelian (*Cornus officinalis*), tanaman yang menyerap karbon.

Penganjur menggambarkan aktiviti itu sebagai “permulaan simbolik” pergerakan ekologi tiga tahun yang diilhamkan oleh

Laudato Si’, mendiang Sri Paus Fransiskus tentang penjagaan alam sekitar. Sri Paus Fransiskus telah menulis, “Tindakan sederhana menanam pokok menjadi tanda harapan untuk planet kita dan generasi akan datang” (*Laudato Si’*, 211).

Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan kelestarian, kesedaran ekologi dan perpaduan antara generasi. Dengan kerjasama kerajaan Metropolitan Seoul, Keuskupan Agung merancang untuk menanam lebih daripada 10,000 pokok melalui enam acara yang melibatkan kira-kira 2,000 sukarelawan. Tempat yang dipilih - Haneul Park - merupakan tapak pelupusan yang ditebus semula menjadi rizab ekologi, berfungsi sebagai simbol pembaharuan dan penjagaan untuk penciptaan.

Hari Belia Dunia, yang diadakan setiap tiga tahun, akan diadakan di Keuskupan Agung Seoul pada tahun 2027. Pemilihan Seoul sebagai tuan rumah mendorong pelbagai langkah untuk memelihara alam sekitar, membina keamanan dan dialog

keamanan global yang melibatkan belia.

Pada Mei 10 hingga 11, Festival Belia “Hee-Hee-Hee” dengan tema “Terang. Harapan. Sukacita” telah diadakan dalam perayaan Hari Doa Sedunia untuk Panggilan. Acara itu menampilkan perayaan Ekaristi dan aktiviti bertema panggilan selaras dengan Tahun Hidup yang menjemput golongan muda untuk merenungkan identiti, tujuan dan panggilan.

Kemudian pada Mei 24, “May Crowning & Fellowship Night”, sebuah acara yang memberi penghormatan kepada sukarelawan WYD. Uskup Paul Lee, penyelaras umum jawatankuasa penganjur tempatan, akan menyertai perhimpunan itu dan jamaan tidak rasmi dengan para sukarelawan sebagai tanda terima kasih.

Kempen penanaman pokok dan peristiwa yang akan datang mencerminkan komitmen Gereja terhadap penyer-taan belia dan keadilan ekologi, kerana masyarakat Katolik global bersedia untuk Hari Belia Dunia 2027 di Seoul! **LiCAS News**

Gereja anjur Bengkel Motivasi Kecemerlangan Pelajar

KOTA PADAWAN: Bengkel Motivasi Kecemerlangan Pelajar telah diadakan di Bilik Mesyuarat Gereja St Ann, baru-baru ini.

Ia dianjurkan oleh pelayanan Komisi Misi dan Pembangunan Manusia (CMHD) untuk membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga memiliki jati diri yang kukuh, berintegriti dan berakhlak mulia.

Seramai 43 peserta berumur 15 hing-

ga 18 tahun menghadiri bengkel ini dari pukul 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Ia berjaya diadakan dengan kerjasama dua penceramah, iaitu Profesor Madya Dr Patricia Nora Riget dan Cikgu Helena Jito.

Bengkel ini diharapkan dapat memupuk kecemerlangan pada diri peserta dari segi akademik, peribadi dan rohani. **Today's Catholic**





Vatikan iktiraf 167 mangsa pengeboman Sri Lanka sebagai martir

COLOMBO: Vatikan akan memasukkan 167 orang Katolik yang terbunuh dalam serangan bom Hari Raya Paskah di Sri Lanka pada tahun 2019 ke dalam senarai rasmi “Saksi Iman” abad ke-21.

Menurut laporan oleh Agensi Berita *Fides* Vatikan, Uskup Agung Colombo mengumumkan keputusan tersebut semasa vigili peringatan baru-baru ini.

“Ini bertujuan untuk menghormati mereka yang terbunuh akibat perbuatan mereka yang didorong membenci iman orang lain,” kata Kardinal Malcolm Ranjith, merujuk kepada komunikasi rasmi dari Dikastri untuk Penggelaran para Santo-Santa.

Mangsa-mangsa akan disenaraikan sebagai sebahagian daripada sambutan Tahun Jubli, yang akan menonjolkan para martir Kristian era moden.

Pengumuman itu dibuat pada satu vigili yang diadakan di Gereja St Anthony di Colombo, salah satu Gereja yang diserang semasa pengeboman berkoordinasi.

Perhimpunan itu menarik ratusan peserta, termasuk pemimpin agama dari komuniti Kristian, Buddha, Hindu dan Islam.

Fr Jude Fernando, seorang paderi di Colombo, berkata 167 orang Katolik itu dipilih “kerana pernyataan iman mereka kukuh terhadap kepercayaan mereka yang didorong oleh ‘odium fidei.’”

Fr Jude menambah bahawa tujuh lagi mangsa yang berbeza iman “juga diingati dengan penuh hormat.”

Individu-individu yang diiktiraf telah dipilih oleh sebuah jawatankuasa khas Vatikan yang ditugaskan untuk menyusun dan mengemas kini senarai saksi untuk Jubli.

Lebih daripada 260 orang terbunuh dan ratusan cedera dalam serangan tersebut, yang menyasarkan tiga Gereja — dua Katolik dan satu Protestan — serta tiga hotel pelancong.

Serangan bom yang dilakukan pada April 21, 2019, kekal sebagai salah satu tindakan keganasan paling mematikan dalam sejarah terkini Sri Lanka.

Gereja Katolik di Sri Lanka terus menyeru siasatan yang lebih mendalam ke atas serangan tersebut, dengan menyebut dakwaan ada penglibatan pegawai kerajaan dan agensi perisikan.

Presiden baharu negara itu, Anura Kumara Dissanayake, yang dipilih pada akhir 2024, telah berjanji untuk menjalankan siasatan menyeluruh.

Nama-nama mangsa yang dimasukkan dalam senarai “Saksi Iman” mengesahkan legasi mereka sebagai martir dan menguatkan seruan Gereja untuk kebenaran dan kebertanggungjawaban. **LiCAS News**

Satu generasi HILANG kerana pengguguran bayi!

KOTA MEXICO: Beribu-ribu orang mengambil bahagian dalam acara “Perarakan untuk Kehidupan” pada Mei 3 di Kota Mexico, untuk memperingati 18 tahun pengguguran bayi dibenarkan di ibu negara Mexico.

Perarakan, yang dianjurkan oleh Persatuan *Pasos Por La Vida* (Langkah-langkah untuk Kehidupan) bersama dengan perkumpulan lain, berjalan dari monumen ke Revolusi dan mengikuti laluan lebih dari 1.2 batu untuk tiba di Kongres Bandar, cawangan perundangan Kota Mexico, sebuah negara kuasi di sistem persekutuan Mexico.

Orang muda, warga emas dan seluruh keluarga berarak dengan membawa sepanduk dan imej grafik dengan mesej pro-hidup yang meratapi kekurangan dasar komprehensif untuk membantu wanita hamil. Mereka juga mengemaskan kesakitan hampir dua dekad pengguguran yang telah dibenarkan secara sah.

Sejak April 2007, pengguguran telah dibenarkan di Kota Mexico sehingga minggu ke-12 kehamilan, menjadikannya entiti persekutuan pertama di negara ini yang mengamalkan langkah ini. Sejak itu, 22 negeri lain telah membenarkan pengguguran, lebih ketara semasa penggalan enam tahun Presiden Andrés Manuel López Obrador (2018–2024) dari parti politik MORENA (Gerakan Pembaharuan Kebangsaan).

Pada masa ini, Presiden Claudia Sheinbaum, juga dari parti MORENA, terus mempromosikan dasar yang sama.

Menurut data dari Organisasi Langkah Kehidupan, kesan kumulatif undang-undang baharu ini telah mengakibatkan “lebih daripada 292,000 kehidupan Mexico tidak pernah berpeluang melihat cahaya matahari.”

Pengguguran tidak menyelesaikan



Pengguguran bayi tidak menyelesaikan apa-apa. Ribuan kaum muda, warga emas dan keluarga menyertai “Perarakan untuk Kehidupan” demi membantah undang-undang yang membenarkan pengguguran bayi sejak 18 tahun lalu di Kota Mexico.

Enam permohonan untuk mempromosikan kehidupan

Turut bercakap semasa acara itu ialah Luisa Argueta, penyelaras kebangsaan “Perarakan untuk Kehidupan”, menyampaikan beberapa tuntutan.

Beliau menuntut ahli-ahli politik meluluskan “pembaharuan perlembagaan yang mengiktiraf hak hidup dari kehamilan hingga kematian semulajadi serta dasar awam yang memperuntukkan pembiayaan kepada ibu, proses anak angkat dan penjagaan paliatif, bukan penyelesaian yang memilih kematian.”

Pemimpin pro-kehidupan itu juga meminta pengembalian laporan awam mengenai pengguguran di Kota Mexico dan menekankan perlunya setiap negeri untuk menerbitkan “angka sebenar dan dapat disahkan mengenai pengguguran, pembunuhan dan orang yang hilang (dan mungkin mati).”

Luisa mendesak masyarakat agar meninggalkan “idea kuno” bahawa ibu adalah tanggungjawab wanita semata-mata kerana lelaki juga perlu mengambil tanggungjawab.”

Akhirnya, beliau menyeru “penyertaan warganegara aktif bahawa kita harus menyokong, menderma, mengadopsi, memantau dan mengundi untuk hidup.” **CNA**

10 kuntum bunga untuk Maria, wanita Ekaristi

AN GIANG, Vietnam: Uskup Joseph Trần Văn Toàn dari Long Xuyen di Vietnam telah menyeru umat beriman untuk menjadi “umat penziarah harapan,” dengan mengambil inspirasi daripada Perawan Maria sebagai “Wanita Ekaristi,” dalam surat pastoralnya untuk Mei 2025.

Surat pastoral itu diterbitkan ketika Gereja menyambut Tahun Jubli Harapan 2025 dan merayakan ulang tahun ke-65 penubuhan keuskupan tersebut.

Uskup Joseph menggesa penganut Katolik untuk menawarkan “bunga harapan” kepada Maria semasa bulan tradisional Marian iaitu bulan Mei, dengan memperdalamkan pengabdian mereka kepada Ekaristi.

“Dalam ensikliknya *Ecclesia de Eucharistia*, Sto Yohanes Paulus II memanggil Maria sebagai ‘Wanita Ekaristi’. Melalui kuasa Roh Kudus, Maria memberikan Firman yang menjadi daging sifat kemanusiaannya. Oleh sebab itu, Tubuh dan Darah Yesus dalam Ekaristi adalah Tubuh dan Darah yang lahir daripada Maria,” tambahnya.

Uskup Joseph menekankan bahawa Maria hidup dalam misteri Ekaristi sepanjang hidupnya, dari Pewartaan Khabar Gembira oleh Malaikat Gabriel hingga Kalvari dan Pentakosta.

“Seluruh hidupnya adalah ziarah bersama Yesus dalam harapan — harapan bahawa ketidaktaatan Adam dan Hawa akan ditebus oleh

ketaatan Yesus dan Maria, membawa keselamatan kepada umat manusia,” katanya.

Prelatus itu menjelaskan lima cara keuskupan akan menghormati Ekaristi pada bulan Mei ini, dengan mengikuti contoh Maria: mengucapkan “ya” kepada Tuhan, berkhidmat dalam amal, merenungkan Kristus dalam Ekaristi, mempersembahkan diri dalam Misa, dan membentuk keluarga yang berpusatkan Ekaristi yang menghidupi Kebahagiaan.

“Untuk menghubungkan devosi Maria dan adorasi Ekaristi, komuniti digalakkan — terutamanya pada bulan Mei dan Oktober — untuk berdoa sekurang-kurangnya satu misteri rosari sebelum Misa,” tambahnya.



Surat pastoral itu juga mengajak keuskupan untuk menawarkan sepuluh “bunga” simbolik kepada Maria, yang mewakili keindahan alam Delta Mekong, serta usaha misi dan amal, terutamanya dari-

pada golongan muda untuk komuniti terabai.

“Ini adalah bunga yang paling disukai oleh Maria, terutama apabila ditawarkan oleh golongan muda,” tulisnya. **LiCAS News**

Mobil kepausan, hadiah terakhir Sri Paus Fransiskus kepada Gaza

VATIKAN: Mendiang Sri Paus Fransiskus memiliki kasih sayang yang istimewa terhadap rakyat Gaza yang menderita. Sejak permulaan konflik di sana, prelatus itu menelefon paderi yang melayani satu-satunya paroki Katolik Jalur Gaza hampir setiap hari.

Sekarang, penduduk Gaza akan menerima satu lagi hadiah daripada mendiang Fransiskus iaitu mobil kepausannya yang sedang diubah menjadi unit kesihatan bergerak.

Fransiskus meminta Caritas Yerusalem untuk mengetuai projek tersebut. Popemobile akan menjadi klinik bergerak, dilengkapi dengan peralatan untuk diagnosis, merawat dan mampu mencapai sudut-sudut Gaza yang paling terpencil.

Dalam satu kenyataan akhbar, Peter Brune, Setiausaha Agung Caritas Sweden, menulis bahawa “dengan kenderaan ini, kami akan dapat mencapai kanak-kanak yang tidak mempunyai akses kepada



penjagaan kesihatan – kanak-kanak yang cedera dan kekurangan zat makanan.”

“Ini adalah satu intervensi konkrit yang menyelamatkan nyawa pada masa ketika sistem kesihatan di Gaza hampir sepenuhnya runtuh,” tambahnya.

“Ini bukan sekadar sebuah kenderaan,” kata Brune. “Ia adalah mesej bahawa

dunia tidak melupakan kanak-kanak di Gaza.”

“Kenderaan ini mewakili kasih sayang, kepedulian dan kedekatan yang ditunjukkan oleh mendiang Sri Paus Fransiskus kepada yang paling lemah,” kata Anton Asfar, Setiausaha Agung Caritas Yerusalem. **Media Vatikan**

Campur tangan ‘senyap’ ibu bapa ketika hidup anak-anak dewasa mulai ‘kecundang’

Bagaimana seharusnya ibu bapa menanggapi keputusan buruk yang dibuat oleh anak-anak dewasa mereka?

Ada pepatah yang berbunyi, “Kanak-kanak kecil, masalah kecil; kanak-kanak besar, masalah besar.” Namun, hakikatnya, hanya ibu bapa yang mempunyai anak kecil yang tahu bagaimana hari-hari mereka selalu sibuk dan sukar.

Apabila kanak-kanak membesar dan beralih ke alam dewasa, terdapat harapan bahawa semua masalah akan akhirnya hilang. Malangnya, itu tidak selalu berlaku.

Bagaimanakah ibu bapa harus menghadapi situasi apabila anak-anak mereka yang lebih tua menghadapi masalah?

Pertama sekali, apabila anak-anak kita semakin dewasa, kita perlu mengubah cara kita bertindak dan sikap kita terhadap masalah mereka.

Dengan kanak-kanak yang lebih muda, kita secara semula jadi perlu mengawasi segala-galanya, memerhati, mengajar, dan melindungi. Perlindungan ini termasuk menegur apabila perlu.

Kanak-kanak yang lebih muda jelas memerlukan pengawasan yang lebih dekat dalam kehidupan.

Sama seperti ketika mereka belajar menunggang basikal tanpa roda, kita mahu tetap dekat dengan mereka ketika mereka belajar mengendalikan kehidupan.

Melihat dari jauh tetapi bukan mengabaikan

Apabila anak-anak kita membesar ke arah remaja, kita tetap berada dalam jarak yang agak dekat dengan mereka untuk membantu sekiranya mereka jatuh atau tersesat dari jalan

yang benar.

Namun, apabila anak-anak kita sudah dewasa dan mengambil tanggungjawab terhadap hidup mereka, kedudukan kita mesti berbeza.

Tempat kita yang sepatutnya adalah lebih jauh namun masih memberikan sokongan, kasih sayang dan nasihat (secara berhati-hati) dan membiarkan mereka membuat keputusan sendiri.

Tidak campur tangan dalam kehidupan anak-anak dewasa kita boleh menjadi sukar dan mengakui kebebasan anak-anak kita juga sentiasa sukar.

Apabila kita tidak berdaya untuk berkongsi pengalaman dan membiarkan mereka membuat kesilapan sendiri, boleh menjadi sangat mengecewakan. Tetapi jangan tertipu.

Walaupun sebagai ibu bapa kita akan bercakap sedikit tetapi telinga kita sentiasa bersedia mendengar kepada anak-anak dewasa kita dan peranan kita sebagai ibu bapa masih penting.

Anak-anak dewasa masih memerlukan persetujuan dan penghargaan kita; ini penting sepanjang hayat mereka.



PENULIS BERKICAU

Sifat kebapaan pengganti Petrus

Ketika artikel ini ditulis, sesi konklaf baharu bermula. Pengganti Sri Paus Fransiskus masih belum diumumkan.

Oleh sebab itu, saya memetik rencana daripada Pengarah Editorial Media Vatikan mengenai kepimpinan Sri Paus Sto Paulus VI yang menyifatkan bahawa identiti seorang Bapa Suci ialah “Bapa kepada kemanusiaan...”

“Sesungguhnya, pemergian Sri Paus Fransiskus sangat menyedihkan seperti kehilangan seorang bapa. Jutaan orang, setelah pengumuman mengenai kematian Sri Paus Fransiskus berasa seperti anak yatim — hilang seorang bapa.

Sri Paus Sto Paulus VI, berkongsi pengalamannya sebagai seorang bapa dalam perbualan bersama rakannya, ahli falsafah Jean Guitton. Perbualan itu berkisar tentang perjalanannya ke India pada bulan Disember 1964.

Prelatus itu telah disambut jutaan orang di jalanan dari semua agama di jalanan. Ia adalah pertemuan dan sambutan yang tidak dapat dilupakan. Selama dua jam tanpa henti, Sri Paus menyapa dan memberkati orang ramai.

Mengingati pertemuan dengan orang ramai, Sri Paus Sto Paulus VI mengakui kepada Guitton, “Saya percaya bahawa daripada semua kemuliaan yang ada pada seorang Sri Paus, yang paling diingini adalah sifat kebapaan Bapa Suci.”

Sri Paus Sto Paulus VI pernah menemani Pius XII semasa upacara-upacara agama dan Pius XII umpama ‘terjun’ ke dalam orang ramai seperti ke dalam kolam Bethesda. Mereka berpegang padanya, merobek pakaiannya tetapi matanya tetap bersinar.

Dia mendapat kembali kekuatan. Tetapi menyaksikan sifat kebapaan dan menjadi seorang bapa secara peribadi, mempunyai perbezaan. Kebapaan ialah satu perasaan yang menjalar ke dalam jiwa dan hati, yang menemani kita setiap jam sepanjang hari, yang tidak boleh berkurang, sebaliknya hanya bertambah—kerana bilangan anak-anak bertambah.

Sri Paus Sto Paul VI menambah, “Sifat kebapaan itu bukanlah sekadar satu fungsi tetapi lebih daripada itu. Dan seseorang tidak boleh berhenti menjadi seorang bapa... Saya merasa seperti bapa kepada seluruh kemanusiaan... Dan perasaan ini, dalam hati nurani Sri Paus, sentiasa baharu, sentiasa segar, sentiasa dalam keadaan lahir, sentiasa bebas dan kreatif. Ia adalah perasaan yang tidak pernah penat, yang tidak pernah letih, yang menghilangkan segala keletihan. Tidak pernah — walaupun untuk seketika—saya berasa penat ketika mengangkat tangan untuk memberkati atau memaafkan!”

Masih bercerita tentang pengalamannya di Bombay, India, Sri Paus Sto Paulus VI mengimbas kembali “ada dua puluh kilometer untuk tiba ke tempat Kongres. Tetapi orang ramai sangat padat dan tidak bergerak. Saya terpaksa terus memberkati. Seorang rakan paderi yang berada dekat saya, memegang dan menyokong saya, seperti pelayan Musa.

Namun begitu, saya tidak berasa pemimpin yang paling tinggi tetapi lebih kepada seorang saudara kerana dalam memikul beban yang berat, ada ‘saudara’ yang membantu saya.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau WhatsApp: 011-26391498



Ulang Tahun ke-32 Keuskupan Keningau: Melayani sesama tanpa mengira agama

TAMBUNAN: Dalam ucapan alu-aluannya, Uskup Cornelius Piong menyampaikan ribuan terima kasih kepada paroki St Theresa Tambunan yang menjadi tuan rumah tiga perayaan besar Keuskupan Keningau iaitu sambutan Ulang Tahun ke-32 Keuskupan Keningau, Ulang Tahun ke-32 Episkopal Uskup Cornelius Piong dan Perayaan Kaamatan Keuskupan Keningau tahun 2025.

Selain daripada itu, turut dirayakan ialah Pembukaan Ziarah Gereja St Theresa (STT) dan Pesta Kerahiman Ilahi Peringkat Paroki STT.

Uskup Cornelius mengungkapkan penghargaan atas pasukan penganjur yang menyelenggara-

kan tiga sambutan sukacita ini yang bertepatan dengan perayaan Tahun Jubli Harapan.

Perayaan yang penuh makna ini mengangkat tema “Umat Tuhan Berjalan Bersama Dalam Yesus Kristus, Membangun Gereja melalui Institusi Keluarga, Memelihara Bumi sebagai Rumah Kita Bersama, Melayani Sesama tanpa Mengira Agama, Bangsa dan Budaya.”

Dalam pesannya, Uskup Cornelius mengingati hadirin agar berhati-hati terhadap pengaruh-pengaruh yang cuba memecahbelahkan kesatuan Gereja, sambil menegaskan pentingnya membangun komuniti yang peduli, bersaksi dan setia kepada

ajaran Tuhan.

Perjalanan selama 32 tahun ini, menurut Bapa Uskup, merupakan hasil inspirasi dan bimbingan Roh Kudus yang memampukan umat untuk membangun kesatuan yang kukuh.

Uskup Cornelius turut mengumumkan bahawa Gereja Bonda Maria Penolong Abadi, Kemabong bakal diangkat sebagai paroki dan KUK Nabawan pula menjadi mission.

Tarikh pengangkatan keduanya akan diumumkan kelak.

Paderi Paroki STT, Fr Rudolf Joannes menyampaikan syukur dan pujian kepada Tuhan kerana berkat-Nya, umat dapat merayakan ulang tahun ini dengan penuh



Gimik pelancaran: Uskup Cornelius menuang padi ke dalam mini 'tangkob'. Padi, lambang tuaian yang baik dan ungkapan kesyukuran kepada Tuhan.

sukacita.

Fr Rudolf menekankan bahawa tema kali ini mencerminkan pengalaman perjalanan keuskupan selama 32 tahun yang penuh cabaran namun sangat bermakna.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Bapa Uskup Datuk Cornelius Piong atas ulang tahun pentahbisan ke-32 sebagai Uskup, dan ulang tahun ke-48 pentahbisannya sebagai paderi.

Kaamatan mengingatkan kita bahawa Yesus selalu berjalan bersama kita

PENAMPANG: “Bagi umat Kristian, perayaan Kaamatan peluang menghargai pengorbanan Yesus di kayu salib demi bangsa manusia kerana kasih, Yesus datang ke dunia ini,” kata Uskup Agung John Wong semasa menyampaikan ucapan selepas Misa Kudus Perayaan Kaamatan peringkat Keuskupan Agung Kota Kinabalu pada Mei 1 lalu.

Perayaan Kaamatan diraikan dua tahun sekali di peringkat keuskupan agung KK.

Uskup Agung John berkata, “Dalam perayaan Kaamatan, kita mensyukuri berkat-berkat Tuhan yang kita alami, walaupun kita menghadapi cabaran dan masalah, Tuhan tetap sentiasa menyertai kita, memberi kekuatan kepada kita untuk terus berjalan.”

“Oleh sebab itu, kita mahu menaikkan kesyukuran dengan cara tradisi kebudayaan dalam tarian, nyanyian, jamuan dan keramaian,” kata Uskup Agung John.

Tuan rumah perayaan Kaamatan pada tahun ini ialah paro-

ki St Michael, Penampang dengan tema, “Berjalan Bersama Dalam Pengharapan, Menghidupi Kebudayaan Sebagai Satu Keluarga Menurut Ajaran Gereja.”

Fr Primus Jouil, telah dilantik sebagai pengkhotbah semasa Misa Kudus perayaan Kaamatan kali ini.

Beliau menyampaikan khutbahnya dalam bahasa Kadazan. Paderi itu mengimbas kembali kisah perjalanan dua orang pengikut Yesus ke Emaus.

“Dalam perjalanan itu, mereka bercakap-cakap tentang berita kesedihan mereka akan Kristus yang wafat dan khabar akan kebangkitan Kristus. Ketika dalam perjalanan inilah, Yesus berjalan dengan mereka, namun mereka tidak mengenalinya.”

“Dalam perbualan mereka dengan Yesus, hati mereka berkobar-kobar dan mereka meminta Yesus untuk tinggal bersama. Kedua-dua pengikut itu akhirnya mengenal Yesus pada saat Yesus memecahkan roti!”

Fr Primus mengulangi tema per-

ayaan Kaamatan tahun ini bahawa “Yesus sentiasa berjalan bersama kita, namun kita harus meningkatkan lagi iman kita melalui ajaran-ajaran Gereja.”

Fr Primus juga berpesan kepada umat agar tidak meninggalkan budaya zaman dahulu yang baik, misalnya amalan kunjung mengunjung dan membantu semasa kesusahan.

Turut hadir sebagai pembantu selebran dalam Misa ini ialah Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski.

Nunsio yang menerima jempukan untuk menghadiri perayaan ini mengatakan bahawa perayaan Kaamatan mengingatkannya pesta tradisi tahunan yang selalu diraiikannya di Poland, semasa beliau masih kecil.

Prelatus itu juga mengucapkan terima kasih di atas doa dan ingatan umat Katolik Sabah terhadap jiwa mendiang Sri Paus Fransiskus yang meninggal dunia pada April 21 lalu.

Tuan rumah bagi Perayaan Kaamatan peringkat Keuskupan Kota Kinabalu pada tahun 2027 ialah paroki Inobong.

Mengapa Katolik di Sabah merayakan Pesta Menuai?



PENAMPANG: Paroki St Michael Penampang telah berjaya menganjurkan program katekesis pada April 30 iaitu sehari sebelum Perayaan Kaamatan peringkat Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Turut hadir ialah Uskup Agung Wojciech Zaluski, Nunsio Apostolik ke Malaysia.

Msgr Nicholas Stephen selaku Pengerusi Tetap Perayaan Pesta Kaamatan Keuskupan Agung Kota Kinabalu telah menyampaikan sesi katekesis bertema Kaamatan.

Beliau menekankan kepentingan memelihara identiti dan bahasa (Kadazan-Dusun-Murut-Rungus/KDMR) dan menggalakkan generasi muda KDMR untuk menggunakan serta bertutur dalam bahasa ibunda mereka, sebagai satu langkah penting dalam memelihara warisan dan jati diri budaya.

Msgr Nicholas menegaskan bahawa kebudayaan adalah aspek penting dalam identiti umat beriman, dan merayakan kepelbagaian sambil mengakui identiti kita yang bersatu dalam Kristus adalah inti kepada kesaksian Kristian.

Paderi paroki Limbahau dan Papar itu juga mengingatkan bahawa Gereja Katolik mengajar bahawa setiap budaya memiliki nilai dan keindahan tersendiri yang dapat memperkaya iman kita.

Beliau menutup sesi dengan mesej mendalam bahawa budaya kita adalah ekologi kita — satu persekitaran di mana iman, iden-



Paderi paroki Penampang, Fr Wilfred Atin memakaikan 'Linangkit' kepada Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski, 'linangkit', selendang 'teknik jarum' iaitu tekstil tradisional beberapa kumpulan peribumi Sabah.

titi dan tradisi dapat hidup bersama dan berkembang secara harmoni.

Selepas itu, para hadirin menonton tayangan video mengenai Huminodun oleh Friar Gerald, diikuti dengan ceramah mengenai Pesta Kaamatan atau Pesta Menuai Kadazan oleh Sdra Blasius Binjua.

Malam tersebut turut disertai dengan persembahan kebudayaan termasuk tarian tradisional Sumazau oleh belia Zon Penampang dan tarian Mogunatip oleh kumpulan ERA Budaya Sabah.

